

04/04/1997

PM lawat Kuwait, Bahrain

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Kuwait dan Bahrain mulai Sabtu ini bagi mengukuhkan hubungan antara Malaysia dengan kedua-dua negara Teluk itu.

Hasrat bersama ialah untuk memajukan bidang baru bagi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan serta kerjasama di kalangan negara dunia ketiga.

Setiausaha Bahagian Asia Barat, Afrika dan Pertubuhan Persidangan Islam Wisma Putra, Datuk Deva Mohd Ridzam Abdullah memberitahu sidang akhbar hari ini, Dr Mahathir akan melawat Kuwait selama tiga hari mulai Sabtu dan selepas itu, ke Bahrain selama tiga hari.

Lawatan ke Kuwait ialah atas undangan Putera Mahkota Kuwait Sheikh Saad Al-Abdulla Al-Sabah yang juga Perdana Menteri, manakala lawatan ke Bahrain atas jemputan Perdana Menteri, Sheikh Khalifa bin Sulman Al-Khalifa.

Di Kuwait, Dr Mahathir yang akan mengetuai delegasi rasmi 15 anggota, antara lain akan melawat Menara Pembebasan Kuwait (menara telekomunikasi), menara keempat tertinggi di dunia selepas Menara Kuala Lumpur dan Istana Seif - kompleks kerajaan yang menempatkan pejabat Emir Kuwait, Perdana Menteri dan Kabinet negara itu.

Malaysia dan Kuwait dijangka menandatangani perjanjian mengelakkan cukai dua kali, dalam rundingan dua hala yang dijadualkan pada hari kedua lawatan.

Di Bahrain, selain mengadakan rundingan dua hala, Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan dasar pada perasmian Forum Ekonomi Teluk serta mengadakan mesyuarat dengan Dewan Perdagangan dan Pengusaha Bank Bahrain.

Deva berkata, Bahrain ialah negara pertama Arab yang mempelbagaikan ekonominya. Sektor industri ringan terutama aluminium bertapak kukuh di negara itu.

"Ia menjadi pusat kewangan serantau yang penting dalam konteks sistem bank konvensional dan sistem kewangan Islam," katanya. - Bernama